


YANG di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bergambar bersama-sama barisan menteri dan timbalan menteri Kabinet yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan, Taat Setia dan Menyimpan Rahsia di Balairong Seri, Istana Negara, semalam. - Gambar Bernama

Najib ketuai Kabinet angkat sumpah jawatan



LIMA menteri (dari kiri) Azmi, Hishammuddin, Rais, Shahrizat dan Jamaludin mengangkat sumpah jawatan, taat setia dan menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Balairong Seri, Istana Negara. Turut hadir, Perdana Menteri dan isteri. - Gambar Bernama



EMPAT Menteri (dari kiri) Mustapa, Radli, Adenan dan Dr Maximus mengangkat sumpah jawatan, taat setia dan menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Balairong Seri, Istana Negara. Gambar Bernama



(DARI KIRI) Dr Chua Soi Lek, Azalina dan Dr Abdullah mengangkat sumpah jawatan, taat setia dan menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Balairong Seri, Istana Negara.



MUHYIDDIN (tengah) sempat berjenaka dengan Dr Fong Chan Onn ketika menteri dan timbalan menteri bersedia untuk bergambar bersama-sama Yang di-Pertuan Agong. - Gambar Bernama

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengetuai barisan menteri Kabinet dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan, taat setia dan menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara, di sini.

Najib adalah antara 31 menteri dan 38 timbalan menteri yang dilantik menganggotai pentadbiran baru pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas Barisan Nasional memenangi Pilihan Raya Umum Ke-11 pada 21 Mac lepas.

Acara penuh istiadat itu diadakan di Balairong Seri, Istana Negara tepat pada jam 3 petang. Abdullah mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia di hadapan Tuanku Syed Sirajuddin pada 22 Mac lalu, sehari selepas BN memenangi 198 daripada 219 kerusi Parlimen.

Najib, 50, yang pertama kali dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Januari lalu kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan.

Selepas mengangkat sumpah, Najib menandatangani Watakah pelantikan dengan disaksikan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Abdul Halim dan diberikan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman yang juga Setiausaha Jemaah Menteri.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat ke upacara itu. Abdullah serta isteri, Datin Seri Endon Mahmood turut hadir.

Selepas Najib, lima menteri kanan kemudian mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia yang dipimpin Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Yang lain ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok.

Kumpulan seterusnya didahului Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Yang lain, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Abd Aziz.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid; Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein; Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaludin Jarjis kemudian mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia.

Menteri lain yang mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia ialah Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri Pelancongan, Datuk Dr Leo Michael Toyad; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fa Kui.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh; Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsudin; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad; Menteri Sumber Asli dan Alam Seki-

tar Datuk Seri Adenan Satem; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Ongkili.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said; Menteri Kesihatan, Datuk Dr Chua Soi Lek dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zain mengakhiri istiadat angkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia oleh jemaah menteri.

Kumpulan timbalan menteri seterusnya mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia.

Kumpulan pertama ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Kerk Choo Ting; Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G Palanivel.

Timbalan Menteri Pertanian dan industri Asas Tani, Datuk Seri Mohd Sharif Omar; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin; Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar; Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah Aman dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr Tiki Lafe.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad; Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Donald Lim Siang Chai

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Fu Ah Kiow; Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin; Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Noh Omar; Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamsiyah Yeop dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Chia Kwang Chye.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Mahadzir Mohd Khir; Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekiar, S Sothinathan; Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Veerasingam, Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Wong Kam Hoong; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi; Tim-

balan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Robert Lau Hoi Chew; Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Joseph Salang Gandum; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Kong Cho Ha dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Mah Siew Keong.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamad; Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mahsor; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah Mohd Dun.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar; Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr Awang Adek Husin; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Joseph Entulu Belau dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera Tengku Awang.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Prof Dr Mohammed Yusoff Hussain. - Bernama